

**NO. SOALAN: 33**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : DATUK DR. HAJI ABD. LATIFF BIN AHMAD**  
**[MERSING]**  
**TARIKH : 26.10.2017**

**Datuk Dr. Haji Abd. Latiff Bin Ahmad [Mersing] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI, KOPERASI DAN KEPENGGUNAAN menyatakan usaha-usaha yang dilaksanakan oleh Kementerian dalam meningkatkan bilangan pendaftaran harta intelek negara sekali gus menggalakkan kesedaran awam terhadap kepentingan harta intelek.**

**JAWAPAN:**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

KPDNKK, melalui Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) sentiasa berusaha meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pendaftaran harta intelek dari masa ke semasa dengan menjalankan pelbagai program untuk semua lapisan masyarakat di seluruh negara.

Dari tahun 2011 sehingga September 2017, sejumlah **1,121 program** kesedaran harta intelek telah dijalankan oleh MyIPO dengan kerjasama pelbagai pihak dari kalangan agensi kerajaan dan bukan kerajaan bertujuan meningkatkan kesedaran akan kepentingan melindungi hak harta intelek dan seterusnya meningkatkan jumlah pendaftaran harta intelek. Antara program-program yang telah dan sedang dijalankan ialah:

- i) **Kempen Kesedaran Harta Intelek** melalui seminar, bengkel dan forum harta intelek bagi menyampaikan informasi dan maklumat terkini harta intelek kepada masyarakat, di samping tindakan penguatkuasaan oleh Bahagian Penguatkuasa KPDNKK;
- ii) Program **IP Easy** sebagai ruang kepada usahawan khususnya usahawan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) untuk mengetahui dengan lebih lanjut mengenai harta intelek, khususnya berkaitan Cap Dagangan (Jenama) dan Reka Bentuk Perindustrian;
- iii) Program **IP Mobile** iaitu Klinik Bergerak Harta Intelek yang juga berfungsi sebagai medium pameran produk harta intelek berdaftar;

- 75
- iv) Program **IP Funtastic** bertujuan memperluas perkongsian ilmu mengenai komponen harta intelek di samping menggalakkan nilai kreativiti di kalangan pelajar dan guru;
  - v) Program **IP Summer Camp** yang memberi fokus kepada penciptaan, perlindungan dan pengkomersilan harta intelek di kalangan pelajar sekolah menengah; dan
  - vi) Penggunaan **Media Sosial** seperti *facebook*, *twitter* dan *youtube* secara intensif di samping wawancara di televisyen dan radio, penerbitan artikel dan sisipan akhbar dalam menyampaikan maklumat berkaitan harta intelek.